

















Permulaan Kesedihan Seseorang Manusia

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Kejadian 3-6

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

Penulis Edward Hughes
Digambar oleh Byron Unger dan Lazarus

Diterjemahkan oleh Julie TY
Disadur oleh M. Maillot dan Tammy S.

Cerita 2 daripada 60

**M1914.org**

**Bible for Children, PO Box 3, Winnipeg MB R3C 2G1 Canada**

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

**Allah tahu** kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut.

**Allah sangat mengasihi kita** sehingga Dia mengutus AnakNya, Yesus, mati di kayu Salib dan membayar penalti kita. **Yesus hidup kembali** dan pulang ke syurga! Sekarang Allah boleh mengampuni dosa-dosa kita.

**Jika anda ingin berpaling daripada dosa-dosa anda,** katakan ini kepada Allah: Ya Allah, saya percaya Yesus mati untuk saya, bangkit semula dan kini masih hidup. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin. Yohanes 3:16

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari!

Malay







"Adakah Allah melarang kamu makan buah daripada sebarang pokok?" ular bertanya Hawa. "Kita boleh makan buah daripada setiap pokok kecuali daripada satu pokok," dia menjawab.
3
"Jika kita makan atau sentuh buah-buahan itu, kita akan mati." "Anda tidak akan mati," kata ular itu.
4
"Anda akan menjadi seperti Allah." Hawa inginkan buah pokok itu. Dia mendengar kata ular itu dan makan buah tersebut.
5
Selepas Hawa mengingkari firman Allah, dia memberi buah itu kepada Adam dan Adam pun makan buah itu. Adam sepatutnya berkata, "Tidak! Saya tidak akan mengingkari Firman Tuhan."
6
Apabila Adam dan Hawa berdosa, mereka sedar yang mereka bertelanjang. Mereka pun merangkaikan daun ara untuk menutupi tubuh mereka dan bersembunyi daripada Allah di dalam semak duri.
7
Pada petang itu, Allah datang ke taman. Dia tahu apa yang Adam dan Hawa telah lakukan. Adam menyalahkan Hawa. Hawa menyalahkan ular itu. Allah berfirman, "Terkutuklah si ular ini. Wanita ini pula akan mengalami kesakitan apabila dia melahirkan anak."
8
"Adam, kerana anda berdosa, tanah bumi dikutuk dengan duri dan rumput. Anda meti bekerja keras untuk menghasilkan makanan harian anda."
9
Allah juga mengusir Adam dan Hawa keluar dari taman indah ini. Kerana mereka berdosa, mereka telah terpisah daripada kehidupan sejati yang diberi oleh Allah!
10
Allah menempatkan sebilah pedang berapi untuk mengawal pintu masuk ke taman. Allah membuat pakaian daripada kulit binatang untuk Adam dan Hawa. Dari manakah Tuhan mengambil kulit ini?
11
Masa berlalu, Adam dan Hawa mempunyai anak. Anak pertama mereka, Kain, adalah petani. Anak kedua mereka, Habel, adalah seorang gembala.
12
Sesuatu hari, Kain membawa hasil tanamannya sebagai sembahan kepada Allah. Habel membawa seekor domba sulung sebagai sembahannya kepada Allah. Allah amat berkenan dengan persembahan Habel.
13
Allah tidak berkenan dengan persembahan Kain. Kain menjadi amat marah. Tetapi Allah berkata, "Jika anda melakukan apa yang betul, tidakkah anda akan diterima?"
14
Tetapi Kain masih marah. Beberapa waktu kemudian, dia menyerang Habel di padang - dan membunuhnya!
15
Tuhan berfirman kepada Kain. "Di mana saudara anda, Habel?" "Saya tidak tahu," Kain berbohong. "Adakah saya penjaga adik saya?" Allah menghukum Kain dengan mengambil keupayaannya untuk meladang dan membuat dia seorang pengembara.
16
Kain pergi dari hadirat Allah. Dia berkahwin dengan anak perempuan Adam dan Hawa. Mereka membina satu keluarga. Satu masa kemudian, Kain dan cucu-cicitnya memenuhi kota yang dibina oleh Kain.
17
Sementara itu, keluarga Adam dan Hawa berkembang dengan cepat. Pada masa itu manusia hidup lebih lama daripada kita hari ini.
18